

> GALLERY GUIDE 2015

ILHAM <>

WELCOME TO ILHAM

SELAMAT DATANG KE ILHAM

ILHAM is a public art gallery committed to supporting the development, understanding and enjoyment of Malaysian modern and contemporary art within a regional and global context.

ILHAM aims to appeal to a diverse audience and serve as a resource for those who are engaged in the arts and those for whom art is a new experience. Through our exhibitions, public programmes and resource centre, we seek to bring people into closer contact with the art, the artists and their ideas.

For more information, please visit our website www.ilhamgallery.com or email info@ilhamgallery.com

Vincent Leong
RUN, MALAYSIA, RUN!
2008, video installation,
5 mins 20 secs (each loop)



ILHAM merupakan sebuah galeri seni awam yang berlitzam untuk mendokong usaha-usaha ke arah perkembangan, pemahaman serta penghayatan seni moden dan kontemporari Malaysia di dalam konteks serantau dan antarabangsa.

ILHAM bertekad untuk menarik pembabitan pelbagai jenis khalayak, dan menjadi sumber serta wadah sama ada bagi mereka yang terlibat dalam seni mahupun bagi mereka yang menganggap seni sebagai suatu pengalaman baharu. Menerusi siri pameran, projek-projek melibatkan masyarakat awam yang kami anjurkan dan pusat sumber, kami berazam untuk membawa orang ramai lebih mendekati karya-karya seni, para artis, dan idea-idea mereka.

Untuk maklumat lanjut sila layari laman web kami www.ilhamgallery.com atau emel info@ilhamgallery.com

EXHIBITION

PAMERAN

PICTURING THE NATION

ILHAM's inaugural exhibition *Picturing The Nation* features works from the personal collection of Dato' Hoessein Enas, one of Malaysia's pioneer artists who defined portraiture in the country in the post-independence years and whose practice was twinned to the birth of Malaysia and situated within the hopes and dreams of this multicultural nation. Also included in the exhibition are four Malaysian contemporary artists - Ahmad Zakii Anwar, Dain Iskandar Said, Vincent Leong & Yee I-Lann - whose works exploring what it means to "picture the nation" create a dialogue with Hoessein Enas' historical legacy that shaped a significant trajectory for Malaysian contemporary art.

16 August – 31 December 2015

Dain Iskandar Said
BUNOHAN: TANAH AIR: MEK YAH
RISES FROM THE SWAMP (detail)
2015, 3-channel video installation,
8 mins 23 secs

MENGGAMBAR NEGARA

Pameran sulung anjuran ILHAM bertajuk Menggambar Negara memaparkan karya-karya dari koleksi peribadi Dato' Hoessein Enas, salah seorang tokoh pelukis perintis Malaysia yang berperanan mencorak genre lukisan potret di negara ini di tahun-tahun awal selepas kemerdekaan, dan di mana praktis keseniannya berkait rapat dengan kelahiran negara Malaysia dan diletakkan dalam konteks harapan serta impian sebuah negara pelbagai kaum yang baharu ini. Turut ditampilkan di dalam pameran ini adalah empat orang artis kontemporari Malaysia – Ahmad Zakii Anwar, Dain Iskandar Said, Vincent Leong & Yee I-Lann – dengan karya-karya mereka, yang menyorot apakah maknanya "menggambar negara", menjana dialog dan interaksi dengan legasi sejarah peninggalan Hoessein Enas yang telah membentuk sebuah trajektori penting bagi seni kontemporari Malaysia.

16 Ogos – 31 Disember 2015



LEVEL 5


ARAS 5

Dato' Hoessein Enas: From His Personal Collection

This section brings together works from Dato' Hoessein Enas' personal collection.

Hoessein Enas arrived in Malaya in 1947 to seek out a new beginning during the Indonesian revolutionary struggle. Though he was born in Bogor and grew up in Medan, his artistic stature as a portrait painter in the academic realist style grew in prominence following Malaya's independence in 1957 and the formation of Malaysia in 1963, a country he came to identify as home.

Hoessein Enas played a significant role in the broader



Dato' Hoessein Enas: Dari Koleksi Peribadinya


Segmen ini menampilkan sejumlah karya dari koleksi peribadi pelukis Dato' Hoessein Enas.

Hoessein Enas tiba di Malaya pada 1947 untuk membina hidup baharu sewaktu zaman perjuangan revolusi Indonesia. Meskipun dilahirkan di Bogor dan membesar di Medan, reputasinya sebagai pelukis potret dengan gaya realisme akademik nyata terserlah selepas Kemerdekaan Malaya pada 1957 dan pembentukan Malaysia pada 1963, negara yang kini dianggap tanah airnya.

cultural development of this new nation. He was a founding member of Angkatan Pelukis Semenanjung (Malaysia Painters Front). He was also at different periods of his life appointed as an officer in charge of Aboriginal Affairs with the Museum Department and later as Chief of Graphic and Design with the newly established television service of national public broadcast Radio Television Malaysia (RTM).

When commissioned by Shell Ltd. to produce a series of drawings and paintings to commemorate Malaysia's formation in 1963, he was one of the first artists to travel the length and breadth of the country.

Dato' Hoessein Enas
SELF-PORTRAIT 1
1948, oil on canvas, 52 x 38 cm



Hoessein Enas telah memainkan peranan yang cukup besar dalam perkembangan sisi-sisi kebudayaan yang lebih luas di negara baharu ini. Beliau merupakan anggota pengasas Angkatan Pelukis Semenanjung. Sepanjang hayatnya, beliau pernah memegang jawatan sebagai pegawai Hal Ehwal Orang Asli di Jabatan Muzium, dan kemudian Ketua Grafik dan Reka Bentuk dengan agensi penyiaran televisyen negara yang baharu diwujudkan iaitu Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Apabila syarikat Shell meminta beliau menghasilkan satu siri lukisan dan lakaran bagi memperingati peristiwa pembentukan Malaysia pada 1963, beliau menjadi salah seorang pelukis yang pertama menjelajah ke seluruh pelusuk negara.




Dato' Hoessein Enas
TANGKUBAN PERAHU
1990, oil on canvas, 97 x 120 cm

LEVEL 3

ARAS 3

In this section, artworks by four contemporary Malaysian artists - Ahmad Zakii Anwar, Dain Iskandar Said, Vincent Leong & Yee I-Lann - enter into a dialogue with the principles of figuration that artist Dato' Hoessein Enas had promulgated at the cusp of Malaya's independence in 1957 and Malaysia's founding in 1963. A central question that continues to be asked is: How can we represent Malaysia's plural

Di dalam bahagian ini, karya-karya oleh empat artis kontemporari Malaysia - Ahmad Zakii Anwar, Dain Iskandar Said, Vincent Leong & Yee I-Lann - berdialog dengan idea-idea figurasi yang telah diperkenalkan oleh Dato' Hoessein Enas sewaktu menjelangnya kemerdekaan Malaya pada 1957 dan pembentukan Malaysia pada 1963. Satu persoalan pokok yang terus menerus diutarakan ialah: Bagaimanakah boleh kita



society? In what ways can we rethink official racial categories? How do artists bring to our attention groups of individual Malaysians misaligned with these dominant narratives?

Picturing The Nation is an attempt to come to grips with the power of the nation as a collective body. Picture-making is thus a means to record history and make visible the present. In fulfilling these functions, it is also, therefore, a technology of the contemporary.

merepresentasi masyarakat majmuk di Malaysia? Dengan cara apakah boleh kita memikirkan semula kumpulan perkauman yang diketengahkan oleh pihak rasmi? Bagaimanakah para artis membawa kita memahami kelompok-kelompok rakyat Malaysia yang tidak selari dengan naratif-naratif dominan ini?

Menggambar Negara merupakan satu usaha untuk menyelami semangat negara sebagai satu badan kolektif. Justeru, pembuatan gambar adalah satu cara untuk merakam sejarah dan menampilkan keadaan-keadaan semasa. Lantaran itu, dengan melaksanakan fungsi-fungsi ini, ia juga merupakan medium teknologi masa kini.



Ahmad Zakii Anwar
BUDAK PEREMPUAN CINA (detail)
2015, charcoal on paper, 205 x 76 cm



Vincent Leong
RUN, MALAYSIA, RUN!:
HASKARAN
2008, digital C-type
print on aluminium
composites,
90 x 60 cm

CURATORIAL TOUR

LAWATAN BERSAMA KURATOR

Gallery tour highlighting key works from the exhibition *Picturing The Nation* with Exhibition Curator, Valentine Willie.

Date: Saturday, 22 August, 3.00 pm

Lawatan galeri yang memberi fokus pada karya-karya penting di dalam pameran Menggambar Negara ini bersama-sama Kurator Pameran, Valentine Willie.

Tarikh: Sabtu, 22 Ogos, 3.00 ptg

PANEL DISCUSSION

PERBINCANGAN PANEL

The writers of the publication "Dato' Hoessein Enas: From His Personal Collection" discuss Hoessein Enas' life, his artistic practice and significant role in the broader cultural development of this nation.

Panel members: writers Simon Soon, Nur Hanim Khairuddin, Pauline Fan, Rachel Jenagaratnam & Joe Kidd.

Date: Saturday, 10 October, 5.00 pm

Penulis-penulis yang terlibat di dalam penerbitan katalog "Dato' Hoessein Enas: Dari Koleksi Peribadinya" akan membincangkan mengenai riwayat hidup Hoessein Enas serta praktis kesenian dan peranan pentingnya dalam konteks pembangunan kebudayaan yang lebih luas di negara ini.

Anggota panel: penulis-penulis Simon Soon, Nur Hanim Khairuddin, Pauline Fan, Rachel Jenagaratnam & Joe Kidd.

Tarikh: Sabtu, 10 Oktober, 5.00 ptg

TALKS

BICARA SENI

Creating a Malaysian Narrative: A Conversation with Jo Kukathas

Writer, actor and director Jo Kukathas of Instant Café Theatre explores the different alter egos she has created throughout her career, from Puan Badariah to Ribena Berry, and how they fit into the larger Malaysian narrative, as she attempts to “picture the nation”.

Date: Saturday, 12 September,
5.00 pm



Menggarap Sebuah Naratif Malaysia: Bual-bicara bersama Jo Kukathas

Penulis, pelakon dan pengarah Jo Kukathas dari Instant Café Theatre akan membincarkan pelbagai ‘alter ego’ yang diciptanya sepanjang kariernya, dari Puan Badariah sampailah kepada Ribena Berry, dan bagaimana sosok-sosok ‘alter ego’ ini diserapkan ke dalam naratif Malaysia yang lebih umum, ketika dia berusaha untuk “menggambar negara” ini.


Tarikh: Sabtu, 12 September, 5.00 ptg



Creating a Malaysian Narrative: A Conversation with Lat

ILHAM hosts a dialogue with one of Malaysia’s most beloved cartoonists and cultural icons, Dato’ Mohd Nor Khalid or Lat as he is more commonly known. Lat’s “Scenes of Malaysian Life” series in the New Straits Times created a truly Malaysian narrative and perfectly pictured the life of a nation.

Date: Saturday, 14 November,
5.00 pm



Menggarap Sebuah Naratif Malaysia: Bual-bicara bersama Lat

ILHAM menjadi tuan rumah kepada dialog dengan salah seorang kartunis dan ikon budaya Malaysia yang paling disanjungi, Dato’ Mohd Nor Khalid atau lebih dikenali dengan panggilan Lat. Siri kartun ciptaan Lat berjudul “Scenes of Malaysian Life” yang disiarkan di dalam akhbar The New Straits Times menonjolkan sebuah naratif yang benar-benar berjiwa Malaysia dan betul-betul berjaya menggambarkan kehidupan di dalam sebuah negara.

Tarikh: Sabtu, 14 November, 5.00 ptg

TALKS

BICARA SENI

The Mystery of Surya Buana with Saidah Rastam

When the Federation of Malaysia was formed in 1963, tensions escalated between Malaysia and Indonesia. Radio broadcasts were an important tool in psychological warfare between the two countries, and for the first time, Malaysia needed songs of war.

Barely weeks before Konfrontasi began, Surya Buana, an enigmatic figure arrived in Kuala Lumpur, and soon became a key figure in composing patriotic songs during this period. Join author and composer Saidah Rastam as she recounts Surya Buana's legacy and explains, why in these tumultuous times, his voice matters, more than ever.

Date: Saturday, 17 October, 5.00 pm



Misteri Surya Buana oleh Saidah Rastam

Apabila Persekutuan Malaysia ditubuhkan pada tahun 1963, ketegangan hubungan antara Malaysia dan Indonesia menjadi bertambah genting. Siaran-siaran radio menjadi alat yang mustahak dalam perang psikologi di antara kedua-dua negara ini, dan untuk pertama kalinya Malaysia memerlukan lagu-lagu bertema peperangan.

Hanya beberapa minggu sebelum tercetusnya Konfrontasi, Surya Buana, seorang individu penuh misteri tiba di Kuala Lumpur dan tidak lama selepas itu menjadi seorang karyawan yang terkemuka dalam bidang penciptaan lagu patriotik. Ikuti bicara seni oleh penulis dan penggubah lagu Saidah Rastam yang akan menceritakan tentang legasi Surya Buana dan kenapa suaranya amat penting dan relevan, lebih-lebih lagi di zaman penuh kacau-bilau ini.

Tarikh: Sabtu, 17 Oktober, 5.00 ptg

Tun Abdul Razak (left) with Dr. Adam Malik (right) signing the Peace Treaty. Standing between them is Indonesian Army Chief, General Suharto.

Book & Film Series with Amir Muhammad

Filmmaker, author & independent publisher of Fixi books, Amir Muhammad, takes us on a tour of Malay movies & novels from the 1960's, showing us a picture of the nation that is far different from the Malaysia of our time.

Date: Saturday, 21 November, 5.00 pm

Dain Iskandar Said
BUNOHAN: TANAH AIR: PUPPETMASTERS AT PLAY - BAKAR QUESTIONS HIS FATHER, POK ENG [detail] 2015, 3-channel video installation, 8 mins 23 secs



Siri Buku & Filem bersama Amir Muhammad

Amir Muhammad, pembikin filem, penulis & penerbit buku independen Fixi, membawa kita menelusuri karya-karya filem & novel Melayu yang dihasilkan sekitar 1960-an untuk memperlihatkan kepada kita gambaran tentang negara ini yang jauh berbeza daripada situasi Malaysia di zaman kita sekarang.

Tarikh: Sabtu, 21 November, 5.00 ptg

MUSIC / PERFORMANCE

MUZIK / PERSEMBAHAN

Commissioned by Shell Ltd. to produce a series of drawings and paintings to commemorate Malaysia's formation in 1963, Hoessein Enas produced "Malaysians", an iconic series of works which featured a cross-section of Malaysian society and included cultural performances from all the major ethnic groups in the country.

To celebrate this wonderfully inclusive work, ILHAM is pleased to host diverse Malaysian traditional performances presented by PUSAKA.

The Mayin Jo-oh by the Mah Meri from Pulau Carey

In conjunction with DiverseCity 2015: Kuala Lumpur International Arts Festival.

The Mah Meri are one of the 18 tribes of Orang Asli (indigenous people) living in West Malaysia and are known for their wood carvings, impressive masks, and the richness of their songs and dances. One of the most well-known dances of the Mah Meri people is the mask dance called Mayin Jo-oh – a traditional dance performed to invite the ancestral spirits, or muyang, to join in the festivity.

Date: Saturday, 26 September, 3.00 pm

Atas permintaan syarikat Shell untuk menghasilkan satu siri lakaran dan lukisan bagi memperingati peristiwa pembentukan Malaysia pada tahun 1963, Hoessein Enas telah menghasilkan "Malaysians", satu siri karya cukup ikonik yang memaparkan elemen-elemen yang mewakili keseluruhan masyarakat di Malaysia dan turut sama menampilkan imej-imej persembahan budaya dari semua komuniti etnik utama di negara ini.

Sebagai tanda sanjungan kepada siri karya yang amat-amat inklusif ini, ILHAM berbesar hati menghidangkan persembahan tradisional Malaysia yang berlainan yang dibawa khas oleh PUSAKA.

Persembahan Mayin Jo-oh oleh Masyarakat Mah Meri dari Pulau Carey

Bersempena dengan DiverseCity 2015: Festival Kesenian Antarabangsa Kuala Lumpur.

Mah Meri merupakan salah satu daripada 18 suku kaum Orang Asli yang tinggal di Malaysia Barat dan terkenal dengan kerja-kerja ukiran kayu dan topeng serta kekayaan lagu dan tarian mereka. Salah sebuah tarian masyarakat Mah Meri yang paling terkenal ialah tarian topeng yang dipanggil Mayin Jo-oh – sebuah tarian tradisional yang

Songs of Padri Se Chang from the Portuguese Community of Malacca

The music and dance of the Portuguese-Eurasian community of Malacca are characteristically cheerful and vivacious, using instruments such as guitars and tambourine, accordion, tambour or the Malay rebana. In Malacca, some songs of the Portuguese-Eurasian community are sung in old Portuguese that has been passed down orally by master singers. Others are sung in Kristang, also known as Papia Kristang — the local creole language derived from old Portuguese mixed with Malay words and grammatical structure.

Date: Saturday, 12 December, 5.00 pm



dipersembahkan dengan tujuan menyeronokkan dan rancak, dengan iringan alat-alat muzik seperti gitar dan tamborin, akordion, tambour atau rebana Melayu. Di Melaka, sesetengah lagu komuniti Portugis-Serani dinyanyikan dalam bahasa Portugis lama yang diturunkan secara lisan oleh penyanyi-penyanyi yang handal. Sesetengah lagu yang lain pula dinyanyikan dalam loghat Kristang, juga dikenali sebagai Papia Kristang – sejenis loghat kreol tempatan yang berasal daripada bahasa Portugis lama dan telah bercampur-aduk dengan perkataan-perkataan serta struktur nahu bahasa Melayu.

Tarikh: Sabtu, 26 September, 3.00 ptg

Lagu-lagu Padri Se Chang dari Komuniti Portugis Melaka

Persembahan muzik dan tarian oleh komuniti Portugis-Serani dari Melaka ini selalunya menyeronokkan dan rancak, dengan iringan alat-alat muzik seperti gitar dan tamborin, akordion, tambour atau rebana Melayu. Di Melaka, sesetengah lagu komuniti Portugis-Serani dinyanyikan dalam bahasa Portugis lama yang diturunkan secara lisan oleh penyanyi-penyanyi yang handal. Sesetengah lagu yang lain pula dinyanyikan dalam loghat Kristang, juga dikenali sebagai Papia Kristang – sejenis loghat kreol tempatan yang berasal daripada bahasa Portugis lama dan telah bercampur-aduk dengan perkataan-perkataan serta struktur nahu bahasa Melayu.

Tarikh: Sabtu, 12 Disember, 5.00 ptg

Portuguese Dance - Malacca, 1963, from the publication Malaysians.

LEARN

BELAJAR

SCHEDULED TOURS

Free tours with gallery staff exploring highlights of the *Picturing The Nation* exhibition.

Every Saturday, 3.00 pm

SCHOOL VISITS (GUIDED VISITS)

We offer interactive guided tours around our exhibition for school groups. Tours are designed to engage students in observation skills and the development of critical thinking. To book a tour, please email info@ilhamgallery.com to make an appointment. Please take note that we need 7 – 10 days notice.

Yee I-Lann
KEBEBAAN ASASI / FUNDAMENTAL LIBERTIES (detail)
2015, electronic LED array with red diodes,
48 x 640 cm

LAWATAN BERJADUAL

Lawatan-lawatan percuma bersama-sama kakitangan galeri untuk meninjau elemen-elemen menarik di dalam pameran Menggambar Negara ini.

Setiap Sabtu, 3.00 ptg

LAWATAN SEKOLAH (LAWATAN BERPANDU)

Kami menyediakan lawatan berpandu berunsur interaktif ke pameran kami untuk kumpulan pelajar sekolah. Objektif lawatan ini adalah untuk melibatkan pelajar-pelajar dengan kemahiran memerhati dan pembangunan pemikiran kritikal. Untuk menyertai lawatan ini, sila maklumkan melalui emel ke alamat info@ilhamgallery.com bagi tujuan mengatur masa lawatan. Sila ambil perhatian bahawa kami memerlukan notis selama 7 – 10 hari.



MASTERCLASS WITH ARTIST

AHMAD ZAKII ANWAR

One of Malaysia's most prominent contemporary artists Ahmad Zakii Anwar will hold a 3-day Masterclass in drawing in charcoal.

Young artists who are working in charcoal are invited to apply. Please email info@ilhamgallery.com with your information and images of a few samples of your work by 10 November. Limited places only.

Please email info@ilhamgallery.com

Dates: 7 – 9 December,
10.00 am – 6.00 pm



SESI BELAJAR BERSAMA PELUKIS

HANDALAN AHMAD ZAKII ANWAR

Ahmad Zakii Anwar, salah seorang pelukis kontemporari yang paling terkenal, akan mengadakan satu sesi belajar melukis menggunakan media arang yang bakal berlangsung selama 3 hari.

Pelukis-pelukis muda yang berkarya menggunakan arang diundang menyertai acara ini. Sila emel ke alamat info@ilhamgallery.com maklumat tentang diri anda dan imej-imej beberapa contoh karya anda selewat-lewatnya pada 10 November. Bilangan peserta adalah terhad.

Sila emel ke alamat
info@ilhamgallery.com

Tarikh: 7 – 9 Disember,
10.00 pg – 6.00 ptg

Ahmad Zakii Anwar
PEREMPUAN MELAYU (detail)
2015, charcoal on paper, 205 x 76 cm

LEARN

BELAJAR

SCHOOL HOLIDAY WORKSHOPS – ILHAM KIDS!

A series of workshops and programmes over the school holidays in November and December 2015 for kids designed to inspire curiosity and wonder. These programmes range from practical workshops to story-telling and other programmes designed to develop observation and thinking skills. Visit our website www.ilhamgallery.com for updates.



BENGKEL CUTI PERSEKOLAHAN – KANAK-KANAK ILHAM!

Satu siri bengkel dan program sempena cuti persekolahan pada bulan November dan Disember 2015 bagi golongan kanak-kanak yang bermatlamat untuk merangsang minat serta sifat ingin tahu mereka. Program-program ini merangkumi dari bengkel-bengkel praktikal sampailah kepada penceritaan dan lain-lain program yang dirangka untuk memperkembangkan kemahiran-kemahiran memerhati dan berfikir. Sila lawati laman web kami www.ilhamgallery.com untuk maklumat terkini.

Vincent Leong
RUN, MALAYSIA, RUN! VIKENS
2008, digital C-type print on aluminium composites, 90 x 60 cm

FAMILIES

Families are invited to pick up a free ILHAM KIDS discovery sheet at the reception counter on Level 5 or download the sheet on www.ilhamgallery.com.

Note: All information correct at time of printing. Programmes are subject to change without notice. Please refer to www.ilhamgallery.com or our facebook page for regular updates.

Yee I-Lann
THROUGH ROSE-COLOURED GLASSES (detail)
2015, lightbox installation,
102 x 1,825 cm {700 + 450 + 675 cm}



KELUARGA

Golongan berkeluarga dipersilakan mengambil pamflet percuma mengenai aktiviti-aktiviti untuk KANAK-KANAK ILHAM di kaunter menyambut tetamu di Tingkat 5, atau muat-turunkannya dari www.ilhamgallery.com.

Perhatian: Segala maklumat adalah tepat semasa pamphlet ini dicetak. Program-program mungkin diubah tanpa dimaklumkan terlebih dahulu. Sila rujuk laman web www.ilhamgallery.com atau laman facebook kami untuk maklumat terkini.

INTERNSHIPS

LATIHAN AMALI

ILHAM offers internship opportunities for college and university students. Under the supervision of gallery staff members, interns learn about gallery work and assist with regular duties that range from research and special projects to administrative tasks.

To apply, submit a résumé and cover letter to info@ilhamgallery.com stating the skills you bring, and how you hope to contribute to the gallery.

Dain Iskandar Said
BUNOHAN: TANAH AIR: ADIL CONFRONTS HIS THREE MINUTES (detail)
2015, 3-channel video installation,
8 mins 23 secs



ILHAM menyediakan peluang-peluang untuk latihan amali bagi pelajar-pelajar kolej dan universiti. Di bawah bimbingan kakitangan galeri, pelatih-pelatih akan mempelajari tentang operasi galeri, di samping melaksanakan tugas-tugas biasa dari projek-projek khusus dan penyelidikan sampailah kepada kerja-kerja pentadbiran.

Untuk membuat permohonan, sila kirimkan ringkasan maklumat diri anda beserta surat iringan ke alamat info@ilhamgallery.com dengan menyatakan kemahiran-kemahiran yang anda miliki dan bagaimana anda berhasrat untuk memberi sumbangan kepada galeri ini.

BE A FRIEND OF ILHAM!

JADILAH RAKAN ILHAM!

We are looking for energetic individuals to join our volunteers programme to help us welcome and engage visitors. If you would like to be considered please send your contact information to info@ilhamgallery.com.

Our Friends get a special discount for all ILHAM publications.

Kami sedang mencari individu-individu yang dinamik untuk menyertai program sukarelawan kami bagi membantu kami menerima dan melayan pengunjung-pengunjung. Sekiranya anda ingin memohon, sila hantarkan maklumat untuk menghubungi anda ke alamat info@ilhamgallery.com.

Rakan-rakan kami akan menikmati potongan istimewa untuk kesemua penerbitan ILHAM.

Dato' Hoessein Enas
UNTITLED
1991, watercolour on paper, 23 x 31 cm



PUBLIC SCULPTURES AT ILHAM

ARCA AWAM DI ILHAM

Artist, architect, poet, activist and blogger Ai Weiwei (b. 1957, China) is one of the most influential figures in contemporary art and cultural practice today.

Divina Proportione (2015) at ILHAM Tower is the first permanent public sculptural work of his to be installed in Southeast Asia.

An expression of mathematical elegance and beauty, the work reflects the artist's longstanding engagement with form and its significance. Its title alludes to Luca Pacioli's book on mathematical proportions and their applications to geometry, visual art and architecture, published in 1509, with drawings by Leonardo da Vinci, including images of various polyhedrons.

For the sculptures at ILHAM Tower, the polyhedron forms which are constructed of bronze parts, polished to a "rose" finish and assembled using stainless steel joints, take on a more modern industrial aesthetic, forming a conversation with the high-tech architecture of this new building in Kuala Lumpur's urbanscape.

Artis, arkitek, penyair, aktivis dan blogger Ai Weiwei (l. 1957, China) merupakan salah seorang tokoh yang paling berpengaruh dalam dunia seni dan budaya kontemporari hari ini.

Divina Proportione (2015) di Menara ILHAM ialah karya arca awam kekal beliau yang pertama ditampilkan di Asia Tenggara.

Satu ekspresi berkaitan keindahan dan keanggunan matematik, karya ini menggambarkan penglibatan serta komitmen panjang artis ini dengan elemen bentuk dan kesignifikanannya. Tajuk karya ini merujuk kepada buku tulisan Luca Pacioli mengenai kadaran-kadaran matematik dan kegunaannya dalam bidang geometri, seni visual dan seni bina yang diterbitkan pada 1509, yang mana turut memaparkan lukisan-lukisan oleh Leonardo da Vinci, termasuklah ilustrasi-ilustrasi pelbagai bentuk polihedron.

Berhubung dengan arca-arca tersebut di Menara ILHAM, struktur-struktur polihedronnya, yang diperbuat daripada kepingan-kepingan gangsa, digilap sehingga menghasilkan tona "ros" dan dicantumkan dengan kimpalan keluli tahan karat, memiliki nilai estetik yang lebih bersifat moden dan industrial, justeru berjaya menimbulkan dialog dengan reka bentuk teknologi tinggi bangunan baru ini yang terletak di tengah-tengah landskap kota Kuala Lumpur.

One of Southeast Asia's most deeply admired artists, Pinaree Sanpitak (b. 1961, Thailand) has created these eight freestanding objects which are designed to support and shape the growth of plants. Manufactured in industrial stainless steel by a Bangkok furniture company, this outdoor installation work invites visitors to interact with it, to enter its structures and enjoy their reflection in its highly polished surfaces.

Pinaree Sanpitak
BREAST STUPA TOPIARY
2013, stainless steel
(Photo courtesy of
Yavuz Gallery)



Ai Weiwei
DIVINA PROPORTIONE
2015, bronze and stainless steel
(Photo by Puah Chin Kok)

Front cover / *Kulit hadapan*
Dato' Hoessein Enas
UNTITLED (detail)
1959, charcoal and pastel on jute,
61 × 51 cm

ILHAM logo designed by
Amir-Alexandros Afendras



Levels 3 & 5, ILHAM Tower
No. 8, Jalan Binjai
50450 Kuala Lumpur, Malaysia

Opening hours: Tue – Sat, 11am – 7pm
Sun, 11am – 5pm. Closed on Mondays

*Waktu buka: Selasa – Sabtu 11pg – 7ptg
Ahad 11pg – 5ptg. Tutup pada setiap Isnin*

ilhamgallerykl
www.ilhamgallery.com

Visitor Guidelines

To protect the artworks from damage, we ask that visitors please refrain from touching any of the artworks on display.

Food and drinks are not allowed in the gallery.

While we do not allow flash, we do encourage photography in the gallery! Please instagram your favourite artwork with the hashtag #ilhamkl – so we can share it on our page as well.

Garis Panduan Untuk Pengunjung

Bagi mengelak karya-karya seni daripada ditimpa kerosakan, kami meminta para pengunjung untuk tidak sesekali menyentuh sebarang karya yang dipamerkan.

Makanan dan minuman tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam galeri.

Walaupun kami tidak membenarkan penggunaan denyar (flash) kamera, namun kami menggalakkan orang ramai mengambil gambar di dalam galeri kami! Sila labelkan imej instagram mana-mana karya yang anda gemari dengan #ilhamkl – agar kami dapat juga berkongsi imej tersebut di laman web kami.